## PERKAITAN WAKTU

### 1 Jam dan Minit




Jarum minit bergerak 1 pusingan lengkap 60 minit.



Jarum jam bergerak dari 3 hingga 4 ialah 1 jam.

Jadi, 60 minit sama dengan 1 jam.

**60 minit = 1 jam**

1 jam selepas pukul 12 pukul berapa?

NOTA GURU
- Tegaskan apabila jarum minit bergerak jarum jam juga bergerak.
- Bincangkan aktiviti yang boleh dilakukan dalam tempoh 1 jam.
- Imbas kembali suku jam, setengah jam, tiga suku jam dan kaitkannya dengan 1 jam.

5.2.1



### 2 Hari dan Jam

1 pusingan lengkap jarum jam ialah 12 jam.




Jarum jam bergerak 2 pusingan lengkap sehari. Jadi, ada 24 jam sehari.

12 jam + 12 jam = 24 jam

**24 jam = 1 hari**

## CUBA JAWAB

Lengkapkan.

a 1 jam = ☐ minit
b 1 hari = ☐ jam
c Suku jam = ☐ minit
d ☐ jam = 30 minit

NOTA GURU
- Gunakan garis masa untuk menjelaskan 24 jam dalam sehari.
- Bincangkan perkataan harian dalam sehari seperti senja, siang, setengah hari dan sebagainya, serta aktiviti yang dilakukan.
- Bincangkan negara yang mengalami siang lebih panjang daripada malam.

BA 121

5.2.1



## SELESAIKAN

**1** Apabila Alex tiba di sekolah, jarum minit tunjuk angka 4. Pukul berapakah dia tiba?


Waktu bertolak



Cara

Saya guna model jam.


Waktu tiba

Alex tiba di sekolah pada pukul **7:20** pagi.

**2** Naveena sekeluarga sampai ke dewan jamuan pada pukul 8:00 malam. Jamuan bermula selepas 25 minit. Nyatakan waktu jamuan bermula.

Cara

Bilang menaik lima-lima dari 12. Berhenti di 5.



Jamuan bermula pada pukul **8:25** malam.

NOTA GURU
- Bimbing murid menyelesaikan masalah secara simulasi menggunakan model jam dan garis masa.

5.3.1



**3** Jam menunjukkan waktu mula aktiviti bercerita. Aktiviti itu diadakan selama 1 jam.


Waktu mula



a Nyatakan waktu mula aktiviti dalam perkataan.

Waktu mula aktiviti pada **pukul dua**.

b Pukul berapakah aktiviti itu tamat?

Cara

1 jam ialah 1 pusingan lengkap jarum minit.


Waktu tamat

Aktiviti itu tamat pada **pukul 3:00**.

NOTA GURU
- Bimbing murid menyelesaikan masalah menggunakan garis masa.

BA 122

5.3.1



## CUBA JAWAB

Selesaikan masalah.

1 Gotong-royong bermula pada pukul 9:30 pagi. Nyatakan waktu itu dalam perkataan.



2 

Permainan ... pada pukul 4:00 petang. Apabila tamat bermain, jarum minit tunjuk angka 8. Pukul berapakah itu?

3 


Nani masuk pertandingan mewarna selama 1 jam. Berapa minitkah itu?

4 Satu kumpulan murid Tahun 2 melawat Mega Aquaria. Mereka masuk pada pukul tiga suku petang. Tulis waktu itu dalam angka.



NOTA GURU
- Bimbing murid menyelesaikan masalah menggunakan model jam dan garis masa.

LIVEWORKSHEETS